

# ‘Focus 4’ jadikan PNB lebih tangkas

### Pelan strategik tiga tahun perkukuh organisasi

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Pelaksanaan Pelan Strategik 2020-2022** dikenali ‘Focus 4’ disasar menjadikan Permodalan Nasional Bhd (PNB) lebih tangkas dalam menyesuaikan diri dalam persekitaran pasaran yang berubah pantas dan mencahar.

Malah, pelaksanaan pelan tiga tahun itu juga akan meletakkan sebagai firma pelaburan yang memiliki falsafah pelaburan yang jelas dan konsisten dengan portfolio yang pelbagai.

Pelan yang dirangka berdasarkan hasil Kajian Semula Jangka Masa Pertengahan yang dilakukan pada 2019 bagi Pelan Strategik 2017-2022 sebelumnya, yang dikenali ‘STRIVE-15’ akan menjadikan syarikat pengurusan dana terbesar Malaysia itu sebagai peneraju dalam pengurusan risiko, prestasi tinggi dan pengurusan korporat.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Jalil Rasheed, berkata ‘Focus 4’ akan memperkuatkan kedudukan PNB sebagai organisasi, yang dipacu oleh modal insan serta hala tuju yang jelas sejajar aspirasi pelaburannya serta ke arah merealisasikan visi untuk menjadi firma pelaburan terkemuka bertaraf dunia.

Beliau yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pelaburan global dan domestik itu menjelaskan, untuk beroperasi dalam suasana ekonomi hari ini, PNB perlu menjadi lebih tangkas bagi membolehkannya merebut peluang yang ditawarkan oleh pasaran dan persekitaran ekonomi sama-

sa, tanpa menjejaskan plawatan tadbir urus korporat yang mantap.

Katanya, ‘Focus 4’ mengentengahkan kerjasama padu dan pembabitan PNB dengan syarikat strategiknya bagi memperteguhkan kedudukan syarikat masing-masing.

“Berlasarkan Kajian Semula Jangka Masa Pertengahan yang dilaksanakan secara meluas tahun lalu, kami telah mengumpulkan pandangan dan analisis kritikal lagi mendalam untuk mengenalpasti kedudukan serta dinamik persekitaran semasa kami, bagi memperbaiki hala tuju strategik kami dengan cara yang lebih mengikut konteks seiring dengan kemajuan kami ke hadapan.

“Selaras dengan usaha mempelbagaikan portfolio pelaburan kami, kami memberi tumpuan untuk membentuk portfolio yang mampu menghadapi pelbagai cabaran bagi semua dana di bawah pengurusan PNB,” katanya kepada *BH* menerusi e-mel bagi mengulas lanjut pelaksanaan pelan stra-

**Kami memberi tumpuan untuk membentuk portfolio yang mampu menghadapi pelbagai cabaran bagi semua dana di bawah pengurusan PNB.**

**Jalil Rasheed,**  
Presiden dan Ketua  
Eksekutif Kumpulan PNB

tegik tiga tahun yang dilancarkan minggu lalu itu.

Jalil yang juga pemimpin pengurusan tertinggi PNB paling muda sejak pengurusan dana itu ditubuhkan pada 17 Mac 1978, menjelaskan ‘Focus 4’ akan dilaksanakan secara dalaman serta kerjasama syarikat strategik PNB untuk menajana pulangan jangka panjang yang mampan dan berterusan bagi pemegang unitnya.

Beliau berkata, sasaran tiga tahun dilihat sebagai bertepatan dengan ketidakpastian semasa, memandangkan pengurusan dana terkemuka itu perlu tangkas untuk menyesuaikan diri dengan perubahan keadaan pasaran.

